

21 JUL 1999

Nik Aziz-cabar

NIK AZIZ PERLU SAHUT CABARAN UNTUK SELESAI KEKELIRUAN

KOTA BAHARU, 21 Julai (Bernama) -- Mursyid Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat diminta membuat penjelasan kepada masyarakat dengan menyahut cabaran berhubung kenyataannya bahawa Islam membenarkan umatnya mencarut.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah berkata Nik Aziz perlu menyahut cabaran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi mengatasi kekeliruan yang ditimbulkannya di kalangan umat Islam.

"Saya rasa dia kena jawab apa yang Dr Mahathir cabar semalam, dia (Nik Aziz) tidak boleh menolak dakwaan itu," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan Pemuda Umno Kelantan di sini hari ini.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah pemangku Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Tengku Razaleigh berkata sekiranya Nik Aziz tetap enggan memberikan penjelasan berhubung kenyataan itu, ianya seolah-olah menunjukkan Menteri Besar Kelantan itu yang bergelar "tok guru", sebenarnya seorang yang tidak bertanggungjawab.

Perdana Menteri dua hari lepas berkata beliau sedia untuk tidak bertanding pada pilihan raya umum akan datang jika Nik Aziz mampu membuktikan dakwaan kononnya ada ayat dalam Al-Quran yang membenarkan perbuatan mencarut.

Dr Mahathir berkata sekiranya gagal membuktikannya, Nik Aziz harus melepaskan kesemua jawatannya dan menamatkan kerjaya politiknya.

Dalam jawapannya hari ini, Nik Aziz menyifatkan cabaran Dr Mahathir itu sebagai momok politik dan beliau telahpun menjawab persoalan itu dalam satu ceramah politik di sini pada 1 Mei lepas.

Ketika ditanya mengenai Nik Aziz yang turut menolak tawaran menjadi mufti Kelantan, Tengku Razaleigh berkata tawaran itu sepatutnya diterima bagi membolehkan Nik Aziz yang bergelar ulama berkhidmat kepada semua pihak.

"Kalau dia sebagai ulama hanya mendapat sokongan daripada sebahagian dari orang Islam (PAS) maka sia-sia sahajalah dia duduk di situ, jadi eloklah dia jadi mufti dan mendapat sanjungan daripada kita semua (Umno dan PAS)," kata Tengku Razaleigh.

Menurutnya Umno menawarkan jawatan mufti kepada Nik Aziz setelah semua pihak berpendapat beliau paling layak menjaga hal ehwal keagamaan berdasarkan pengetahuannya.

Nik Aziz semasa berceramah politik di Tumpat semalam menolak tawaran itu kerana menyifatkan taraf mufti untuk negeri sahaja manakala jawatan Murshid Am PAS untuk seluruh Malaysia.

-- BERNAMA

MNR RAR MAI